


[JPA. (S) 223/8/3/(50).]



Siri N^o 0016

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1984

**PERATURAN MENGENAI KELAYAKAN CUTI HAJI
DI BAWAH PERINTAH-PERINTAH AM 34 DAN 35,
BAB "C"**

Tujuan

Tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini ialah bagi melaksanakan keputusan Kerajaan untuk meminda peraturan mengenai kemudahan Cuti Haji bagi membolehkan seseorang pegawai yang beragama Islam, termasuk guru-guru, yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun perkhidmatan mendapatkan kemudahan Cuti Haji bergaji penuh untuk menunaikan fardhu haji sekali di sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Kelayakan Cuti Haji

2. Kerajaan telah bersetuju supaya peraturan-peraturan berikut dipakai berhubung dengan Cuti Haji bagi membolehkan pegawai Kerajaan yang beragama Islam, termasuk guru-guru, mengambil cuti bergaji penuh bagi maksud menunaikan fardhu haji di Mekah. Peraturan-peraturan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh selama 40 hari termasuk cuti hujung minggu dan hari kelepasan am kepada pegawai yang beragama Islam untuk menunaikan fardhu haji di Mekah. Sekiranya seseorang pegawai memerlukan tempoh lebih daripada 40 hari atas sebab-sebab tertentu pegawai bolehlah memohon untuk menggunakan cuti rehatnya atau cuti penggal sekolah bagi guru-guru atau cuti tanpa gaji.
- (ii) Cuti Haji hanya boleh diluluskan sekali sahaja di dalam tempoh perkhidmatan seseorang pegawai dan tertakluk kepada syarat bahawa pegawai itu telah berkhidmat tidak kurang daripada 4 tahun dan telah disahkan dalam jawatannya.

Tarikh Kuatkuasa

3. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh Pekeliling ini diketuarkan.

Pindaan kepada Perintah-perintah Am 34 dan 35, Bab "C"

4. Pindaan-pindaan kepada Perintah-perintah Am 34 dan 35, Bab "C" tahun 1974 yang sewajarnya akan dibuat dengan kuatkuasa kebelakangan mulai daripada tarikh berkuatkuasanya Pekeliling ini.

(TAN SRI OSMAN S. CASSIM)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

17hb Mei, 1984.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.